

23/01/2002

Kementerian bincang tindakan terhadap taski

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Pendidikan akan mengadakan rundingan dengan kerajaan negeri bagi membolehkan taman didikan kanak-kanak (tadika) atau taman asuhan kanak-kanak Islam (taski) yang mendidik golongan itu membenci pemimpin dan kerajaan dikenakan tindakan.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamad, berkata pada masa ini pihaknya tidak dapat berbuat apa-apa terhadap tadika atau taski yang sepatutnya mengajar pendidikan agama tetapi menyeleweng daripada matlamat penubuhannya kerana ia terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Kita menyambut baik dan bersetuju dengan cadangan kerajaan yang mungkin mengawal pembukaan tadika atau taski bagi memastikan matlamat asal penubuhannya tidak diselewengkan.

"Bagaimanapun, bagi membolehkan ia dilaksanakan, kita memerlukan kerjasama setiap kerajaan negeri kerana pada masa ini penubuhan tadika atau taski yang mengajar pendidikan agama terletak di bawah kuasa kerajaan negeri," katanya selepas menerima kunjungan hormat empat wakil daripada Universiti Al-Azhar di pejabatnya di sini, petang ini.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pula akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi membincangkan modul kurikulum sesuai dan pemilihan guru yang berkelayakan mengajar di tadika dan taski.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata perkara itu akan dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam Jakim.

Di samping itu, katanya, unit terbabit juga dipertanggungjawabkan mengkaji semula peruntukan undang-undang sedia ada yang diguna pakai bagi mengawal tadika dan taski.

Katanya, ini kerana, Jakim mendapati peruntukan yang ada kurang jelas dan menjadi punca Pas menjadikan tadika dan taski untuk mengajar kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan.

"Kita sememangnya sedar berlakunya penyelewengan yang berleluasa dan semakin ketara terhadap pengajaran pada peringkat taski dan tadika," katanya selepas Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang, Anugerah Perkhidmatan dan Anugerah Lama Berkhidmat 2000, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di sini, hari ini.

Hadir sama, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Hashim Yahya; Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Abdullah Mat; dan Ketua Pengarah Jakim, Mohamad Shahrir Abdullah.

Terdahulu, Abdul Hamid menyampaikan anugerah kepada 44 kakitangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sempena khidmat cemerlang mereka pada tahun 2000.

Sementara itu, Pas mempelawa pihak yang mendakwa parti itu menggunakan Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) untuk mendidik kanak-kanak membenci kerajaan supaya melawat dan memeriksa kokurikulum pusat itu.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa ketika dihubungi menafikan dakwaan berkenaan dan berkata kokurikulum yang digunakan Pasti sama saja dengan tabika yang dikendalikan Kemas.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan mungkin melarang Pas daripada mengendalikan tadika dan taski jika institusi seumpama itu terus mendidik kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan, bukannya mengajar agama sebenar.

Perdana Menteri berkata, kajian akan dibuat sama ada memperkenalkan undang-undang baru atau undang-undang sedia ada dipinda bagi mengawal

pembukaan tadika atau taski supaya matlamat penubuhannya tidak diselewengkan.

(END)